

CNS4075

U GB 16-11 00192 BH333

AAR

FORMAT EAEC TIDAK AKAN DIUBAH

Mahathir - EAEC ''

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak kemungkinan format Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) diubah suai.

Format tersebut pernah diubah dahulu tetapi pihak-pihak tertentu masih mengatakan ia tidak sesuai, katanya merujuk kepada perubahan yang dibuat pada Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) sebelum diterima sebagai EAEC.

+Kita dah ubahdah. Macam manapun ia tetap tidak sesuai (pada pandangan pihak-pihak itu), t katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan di Taman Tasik Perdana, di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai laporan dari Seoul, Korea yang menyebut menteri luar sebuah negara Asia sebagai berkata bahawa cadangan EAEC Malaysia mungkin diubah suai dan digabungkan dengan beberapa cadangan lain pada Sidang Kemuncak Asean Januari depart.

Mengenai tindakan sesetengah pihak yang cuba mencemarkan nama Malaysia di mesyuarat peringkat menteri Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia-Fasifik (Apec) di Seoul beliau berkata, Malaysia tidak boleh berbuat apa-apa mengenai perkara itu.

+Kita tidak boleh buat apa-apa (kerana) mereka orang kuat. sedangkan kita tak kuat. Kita terima saha jalah, + katanya. -- Lagi.

♥16/11/19-28MST

CNS4076

U GB 16-11 00152 BH334

AAR

Mahathir - EAEC 2 Kuala Lumpur

Katanya, bagaimanapun, Malaysia akan cuba meneruskan pelaksanaan EAEC walaupun mendapat tentangan pihak tertentu.

Mengenai perayaan Hari Keluarga Kebangsaan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa hari perayaan itu tidak akan dijadikan sebagai hari cuti umum kerana banyak negara maju menjadi mundur akibat falsafah tidak mahu bekerja.

Katanya, negara kaya sekalipun akan bankrap sekiranya terpaksa menanggung beban memberi makan kepada sebilangan rakyatnya seperti yang berlaku di beberapa negara, yang terpaksa menanggung sepenuhnya 10 peratus daripada penduduknya.

Sementara itu, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Napsiah Omar berkata, pengiktirafan yang diberikan kerajaan kepada Hari Keluarga Kebangsaan menunjukkan Malaysia benar-benar menekankan pembangunan seimbang antara kebendaan dan kerohanian.

Katanya, 1 angkahitu, jugamenunjukkan bahawa Malaysia mempunyai pandangan jauh mengenai peranan keluarga dalam pembangunan negara sedangkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu akan hanya mengisytiharkan Hari Keluarga Antarabangsa pada tahun 1994. -- Lagi.

♥16/11/19-31MST

CNS4077

U GB J6-JJ 001 60 BH335

AAR

Mahathir - RAEC 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Di samping itu, langkah-langkah sewajarnya perlu diambil mulai sekarang bagi memastikan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak atau pembantu rumah mempunyai kemahiran dan sifat-sifat, pengasuh serta penyayang memandangkan 52 peratus wanita akan terabit sebagai tenaga buruh negara menjelang tahun 2020, berbanding dengan 46 peratus pada 1998, katanya.

Katanya, tema "Keluarga Penyayang Teras Perpaduan" yang dipilih bagi perayaan tahun ini adalah tepat bagi menyedarkan masyarakat tentang pentingnya usaha menyemai dan mengamalkan sifat-sifat penyayang di kalangan keluarga, terutamanya kanak-kanak yang akan menjadi sumber tenaga utama negara.

Datuk Napsiah berkata, pertumbuhan bukan kerajaan serta sektor swasta juga perlu memainkan peranan penting menyokong hasrat kerajaan untuk mewujudkan budaya ikras di negara ini.

Sebanyak 14 keluarga, masing-masing satu dari setiap negeri, termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, menerima Anugerah Keluarga 1991 hari ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali. -- Bernama.

♥J6/JJ/19-33MST

CNS4005